

RIWAYAT YANG BERSEJARAH BAGAIMANA SALAHUDDIN MENGHANCURKAN KAUM SALIB

(dipadankan dari buah pena Al Ustaz Habib Jamati Mesir)

“Inilah cita-cita kita telah disampaikan Allah, musuh-musuh kita telah termasuk ke dalam perangkap, dan mereka telah tercebur ke dalam kebinasaan!” – kata Salahuddin Al-Ayubi sambil tersenyum dengan ria dan gembira kerana kejayaan yang cemerlang yang telah didapatinya itu.

Berjuanglah kedua-dua angkatan tentera yang sedang bermusuh itu berhabis-habis dan bermati-matian, tentera Islam dipimpin oleh Salahuddin dan tentera kaum Salib dipimpin oleh Raja Baitul Maqdis Guy de Lusignan.

Salahuddin dengan pintarnya telah dapat menarik pihak lawannya ke arah tempat-tempat yang telah dipilihnya menjadi medan perjuangan. Ia telah mengaturkan tenteranya di tepi tasik “Thabriah” lalu ia mengacah-acah seolah-olah hendak menyerang bandar yang senama dengan tasik tersebut. Gerak langkah Salahuddin, ini telah menjadikan pihak lawannya meninggalkan tempat-tempat perkuburan mereka yang handal lalu pergi memberi bantuan kepada bandar “Thabriah” yang sedang menerima ancaman tentera Salahuddin itu.

Hal ini telah dijadikan sebesar-besar peluang oleh Salahuddin ia pun mengepung pihak lawannya dan memutuskan persombongan hati walaupun mereka hendak berundur semula. Mereka pun terpaksa bertahan di bukit-bukit “Hatim” yang berbelit-belit jalannya, tidak berair dan tidak bertempat perlindungan dari panas kencing yang membakar itu, dan memang inilah yang dikehendaki oleh Salahuddin.

Dua hari lamanya kedua-dua tentera itu berjuang yang berakhir

tentera kaum Salib telah dileburkan oleh angkatan Saleh al-Din dan mereka telah ditawan bersama-sama dengan pembesar-pembesar dan pahlawan-pahlawan perang dengan itu menjadikan “Bait al-Maqdis” yang telah terletak sekurun lamanya di bawah cengkaman kaum Salib telah dapat dirampas balik dan dijadikannya sebuah negara Islam seperti sedia kala.

-----*-----*-----

Musim panas yang terlalu kencang telah menjadi sebesar-besar penolong kepada Salahuddin. Ia telah berjaya menjadikan musuhnya terperangkap di tempat yang kering kontang lalu diperintahkannya tenteranya menyerang dari empat penjuru. Maka sebaik-baik sahaja masuk matahari pada hari yang tersebut melainkan segala apa yang dicita-citakan oleh Salahuddin telah dikabulkan Tuhan – kaum Salib telah terbunuh mana-mana yang terbunuh, dan telah tertawan mana-mana yang tertawan, serta telah sesat tidak berketahuan hala mana-mana yang telah melarikan nyawa.

Berhampiran sebuah batu di kaki bukit “Hatim” tempat berlaku perjuangan yang hebat itu kedapatan dua orang pahlawan yang telah gugur dengan luka parah – seorang dari tentera raja Raja “Guy de Lusignan” bahu kirinya menerima tetak pedang, dan yang seorang lagi menerima tentera al-sultan Salahuddin al-Ayubi di dadanya tembusi dari suatu tikaman tombak.

Kedua-duanya telah merangkak di atas tanah yang penuh berbatu itu lalu mencari perlindungan disebuah gua kecil yang tidak jauh dari di situ sementara menanti bantuan tiba.

Dalam gua yang sempit itu keduanya telah bertemu, dan

di sana juga mereka telah lupa bahawa hanya sebentar tadi keduanya telah berbunuh-bunuhan. Kedua-duanya telah bertemu di situ dengan tidak disangka-sangka dan telah mula berjolak-jolak dan beramah tamah kerana mereka sama-sama sedang menderita. Tiap-tiap seorang mulai menolong yang lainnya – membela dan menangkap darah yang mencurah-curah dari luka masing-masing dan berharap luka rakannya itu segera sembuh sebagaimana ia berharap hal itu bagi dirinya sendiri. Seorang tentera dalam masa menderita dengan pahitnya tidaklah ubahnya daripada manusia biasa, yang merasa sakit, dan merasa belas kasihan kepada orang lain yang sedang menderita seperti keadaannya sendiri itu.

Orang yang luka bahunya telah merenung rakannya yang luka dadanya lalu berkata kepadanya dengan bahasa Arab : “ pada hari semalam aku lihat di leher awak ada bertempur merah seperti darah, tetapi sekarang baharulah jelas rupanya tanda itu sedia dari dalam perut ibu” kawannya yang seorang lagi tidak terkejut mendengar itu berkata-kata dengannya dengan bahasa Arab kerana kaum Salib (yang datang dari berbagai-bagai negeri di Eropah) yang telah bertahun-tahun tinggal di dalam dan di sekeliling Baitul Maqdis memang mereka pandai bertutur bahasa anak negeri (Arab). Tetapi ia telah terkejut mendengar isyarat kawannya itu kepada tanda merah yang di lehernya itu lalu menyahut katanya :

“Aku juga ada melihat leher awak bertanda merah”

Kedua-duanya telah terdiam sebentar kehairanan, lalu rakannya beragama Salib itu bertanya :

“Siapa nama awak?”

“Kis al-Ahmar” sahut rakannya. Awak pula siapa?

“Jack Leroj” – jawab rakannya.

Kedua-duanya berdakap dengan air mata yang meleleh, lalu masing-masing cuba menahan kesakitan yang sedang dideritai, dan menahan paluan maut yang sedang menjalar dalam urat

saraf mereka, dan mereka pun mengulangi riwayat hidup mereka sambil tiap-tiap seorang menceritakan halnya dan hal keluarga mereka yang satu itu.

-----*-----*-----

Dalam masa serangan kaum Salib yang pertama ke dunia Islam yang dipimpin oleh “Coughnot Simon de Toulouse” adalah termasuk dua orang adik beradik yang terkenal di antara rakyat Perancis dan yang telah menurutnya ke negara suci Baitul Maqdis itu. Saudara yang tua terkenal dengan nama “Augene Leroj” dan yang muda bernama “ Vernar Leroj”. Mereka telah digelar dengan panggilan “Leroj” (merah) kerana setompok tanda kelihatan terpalit ditengkuk tiap-tiap seorang daripada keduanya – di antara telinga kiri dan bahunya. Kedua-dua beradik itu sekata mengatakan bahawa tanda itu telah dipusakai dari keluarga mereka turun temurun, ayah dan datuk mereka tidak khali daripada tanda itu bertompok dileher juga dan kerana itulah tanda itu telah dipusakai oleh segala anak dan cucu cicit pula.

Pada masa itu kumpulan kaum Salib sedang galak menyerang ke sana ke mari di sekeliling tempat yang berhampiran dengan pusat kedudukan mereka di Baitul Maqdis. Pada suatu hari “Vernar Leroj” telah keluar bersama-sama kumpulannya menyerang sebuah tempat yang terletak di tepi sungai Ardan lalu bergaduh dengan ketua kumpulannya disebabkan harta rampasan perang, pergaduhan itu telah bertambah hebat yang berakhir telah membawa “Vernar” menikam lawannya yang nyaris-nyaris mati. Hal itu menyebabkan “Vernar” dikerumuni oleh kumpulannya hendak menangkap tetapi ia telah dapat melepaskan dirinya lalu cabut lari di celah-celah batu-batu besar dan hilang dari pemandangan.

Semenjak hati itu segala khabar beritanya telah terputus, sehingga abangnya sendiri menyangka bahawa adiknya “Vernar” itu telah mati atau tertawan. Tetapi yang sebenarnya Vernar telah

pergi melindungi diri kepada satu kabilah Arab yang menduduki kawasan timur sungai Ardan, di sana ia telah menjadi tetamu kumpulan tersebut yang berakhir ia telah memeluk agama Islam dan terkenal di antara mereka dengan nama “Vernar Al-Ahmar”

Hasil serangan angkatan kaum Salib yang pertama telah dapat menawan tanah suci Baitul Maqdis pada 15 Julai 1099 M bersamaan tahun Hijrah 492.

Setengah kurun kemudian daripada Timur Tengah telah didatangi oleh angkatan kaum Salib yang kedua, tiba-tiba kedatangan “Raymond Leroj” anak kepada “Augene Leroj” yang tersebut ada di dalam angkatan itu dan bersama-sama mengambil bahagian mengepung bandar “Damsyik”. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1148 M manakala dalam barisan tentera Islam yang sedang bertahan di situ kedatangan pula “Abdullah Al-Ahmar” anak kepada “Vernar Al-Ahmar” yang telah melarikan diri dari angkatan kaum Salib dan memeluk agama Islam pada kira-kira lima puluh tahun yang lalu.

Tinggalah keluarga yang satu itu terbahagi dua sebahagian berperang di bawah bendera Salib dan sebahagian lagi berperang di bawah bendera Bintang Bulan.

Lebih lanjut lagi “Jaan Leroj” anak “Raymond Leroj” pula telah terbunuh dalam medan perjuangan “Al-munithrah” di Lubnan pada tahun 1166 masihi dan “Umar al-Ahmar” anak “Abdullah Al-Ahmar” telah terbunuh juga dalam masa ia sedang berjuang dalam tentera “Ibnu al-Muqaddam” pemerintah “Baklik” bagi menangkis serangan kaum Salib di kawasan itu pada tahun 1176 masihi.

Sebelas tahun kemudian dengan kehendak yang Maha Kuasa dua orang dari keluarga yang sedang berpecah ini telah berada di dalam kawasan yang satu dan mengambil bahagian dalam medannya perang yang satu, serta gugur ke bumi dengan keadaan luka parah di tempat yang satu. Kedua-dua orang yang

tersebut itu ialah “Jaan Leroj” anak “Jack Leroj”

dan “Kis al-Ahmar” anak “Umar al-Ahmar”.

Kejadian ini berlaku di medan perjuangan “Hittin”

pada tahun 1187 M iaitu dalam perjuangan yang dipimpin oleh Salahuddin sendiri sebagaimana yang tertera di atas tadi.

Alangkah besar bezanya di antara dua musim panas yang berlainan itu? Dalam musim panas yang pertama telah berlaku penceraian dan telah berlaku kekalahan tentera Islam di Baitul Maqdis. Manakala dalam musim panas yang kedua telah berlaku pertemuan dan telah berlaku kekalahan kaum Salib di Bait al-Maqdis juga.

Dalam musim panas yang pertama, kedua beradik yang telah bercerai itu tiap-tiap seorang telah menurunkan baka dan membina suatu keluarga.

Dalam musim panas yang kedua, kedua-dua keluarga yang tersebut telah punah sama sekali disebabkan kematian “Jack Leroj” (akhir keluarga Leroj yang beragama Masihi) dan “Kis al-Ahmar” (akhir keluarga “Leroj” yang beragama Islam).

Tidak berapa antaranya pada hari itu maka “juru rawat-jururawat” medan perang dari kedua belah pihak telah datang merawat mengangkat mana-mana yang luka dan seperti menanam mana-mana yang mati. Di sana mereka telah bertemu dengan dua badan yang sedang berdakap di sebuah gua kecil.

Mereka bersungguh-sungguh hendak menceraikan dua badan yang telah berpadu satu itu bagi menanamkan tiap-tiap seorang di dalam kawasan kaumnya tetapi segala usaha itu telah sesia belaka : kerana tiap-tiap seorang telah memeluk rakannya dengan pelukan yang sememang dikehendaki oleh mereka untuk selamanya.

Hajat mereka telah makbul dan keduanya telah ditanam di dalam sebuah liang lahad di tempat itu juga.